

22 SEP 1998

Mahathir-Ekonomi/I

TINDAKAN ANWAR TIDAK PENGARUHI PEMULIHAN EKONOMI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata langkah-langkah memulihkan ekonomi tidak dipengaruhi oleh masalah yang disebabkan oleh bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Orangramai di negara ini tahu keadaan ini, mereka tidak risau sangat sehingga menjual saham-saham," katanya kepada sidang berita hari ini di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau berkata Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) agak tenang sejak beberapa hari lepas walaupun terdapat masalah tersebut.

"Anda mungkin sedar bahawa pasaran saham kita tidak jatuh banyak," katanya.

Anwar dipecat daripada menjadi timbalan perdana menteri dan menteri kewangan pada 2 September atas dakwaan salahlaku seksual dan berbagai jenayah lain.

Perdana Menteri berkata pelabur tempatan adalah peniaga-peniaga utama di pasaran saham dan mereka tahu dengan keadaan ini dan terutamanya keupayaan kerajaan menangani situasi ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata usaha perunding kewangan negara, Salomon Smith Barney, untuk mengumpul dana di luar negara mungkin menghadapi beberapa masalah kerana gambaran yang dilihat oleh pelabur asing mengenai Malaysia mungkin dipengaruhi oleh apa yang dilaporkan di sini.

Mengenai langkah-langkah tambahan kepada pengawalan tukaran asing yang dilaksanakan untuk menghalang spekulasi terhadap ringgit, beliau berkata: "Kami fikir kami boleh menguruskan dasar-dasar kami kerana ia adalah perkara dalaman."

"Jika kami tidak mengambil langkah-langkah ini, semua orang akan berkata keyakinan telah hilang," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ES JR MA khy